

# Permohonan Bandar Warisan Dunia diketahui tidak lama lagi

MELAKA 10 Okt. - Permohonan Melaka dan Pulau Pinang untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai Bandar Warisan Dunia daripada Pertubuhan Bagi Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) akan diketahui tidak lama lagi.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, jika permohonan itu diluluskan, ia merupakan satu dividen pelancongan kepada negeri terbabit dan Malaysia.

Ini kerana, jelas beliau, sesebuah negara yang mendapat pengiktirafan daripada UNESCO akan berada dalam peta pelancongan dunia sebagai negara yang perlu dilawati.

"Permohonan kedua-dua negeri itu yang dilakukan serentak telah dikemukakan kepada UNESCO pada 2004," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah projek Menara Tinjau di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Rais berkata, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussin akan melawat Paris tidak lama lagi dan pihaknya juga akan menghantar pegawai untuk melihat perkara tersebut.

"Kita tidak ada apa-apa prasangka sama ada permohonan itu diluluskan pada tahun ini atau tahun depan," jelas beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Rais berkata, sudah sampai masanya Asia mempunyai satu badan seperti UNESCO supaya bilangan kawasan sejarah dan warisan yang diktiraf dapat diberikan khusus untuk negara-negara Asia.

Ini kerana, katanya, UNESCO didapati banyak memberi pengiktirafan pada Eropah, Amerika, Itali dan Britain berbanding negara-negara Asia.

"Maka pihak kementerian menerusi saluran antarabangsa yang ada akan kemukakan secara khusus mengenai cadangan ini untuk dipertimbangkan.

"Perkara ini saya sebut bukan dalam konteks salah faham atau untuk menimbulkan isu antarabangsa, ia semata-mata memperjuangkan warisan negeri dan negara yang relevan," katanya.